



# SUMBANGAN BAHAN ILMIAH DARIPADA PRESIDEN & NAIB CANSOLOR UNISEL

THE MIDDLE EASTERN INFLUENCE ON THE  
DEVELOPMENT OF RELIGIOUS AND POLITICAL  
THOUGHT IN MALAY SOCIETY, 1880-1940

BY  
MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN

THESIS SUBMITTED TO  
THE UNIVERSITY OF EDINBURGH  
FOR THE DEGREE OF DOCTOR OF PHILOSOPHY  
DECEMBER 1994



## BICARA PUSTAKAWAN

### PERKONGSIAN BERITA PALSU BOLEH BAWA IMPAK NEGATIF

### PAMERAN SEMPERNA HARI KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2024

# PEMBUKA BICARA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera



## **PENASIHAT**

Hafiz Abdul Rahim

## **EDITOR**

Zairil Azwan Osman

## **PEREKA GRAFIK**

Nor Suhaiza Zainol

## **PENULIS & JURUFOTO**

Pustakawan  
Perpustakaan  
UNISEL

## **PENGEDARAN**

Unit LSDM

Pada keluaran kelima pada tahun 2024 (Ogos 2024), Perpustakaan UNISEL telah menerima sumbangan bahan-bahan ilmiah dari Presiden & Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman. Antara bahan-bahan yang disumbangkan adalah kitab-kitab, tesis-tesis, kaset, dan cakera padat (CD).

Selain itu, Perpustakaan UNISEL juga telah mengadakan pameran sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2024. Objektif utama pameran ini diadakan adalah untuk memberi maklumat tentang sejarah Malaysia khususnya berkenaan logo kemerdekaan dari tahun 1976 hingga 2024 dan setiap logo itu mempunyai keterangan yang dapat memberi info kepada pengunjung.

Bersempena bulan kemerdekaan ini, Perpustakaan UNISEL mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-67 kepada warga UNISEL. Semoga kita dapat kekalkan jati diri sebagai rakyat Malaysia dan kemerdekaan ini kekal selamanya.

Salam hormat,

**ZAIRIL AZWAN OSMAN**

Editor  
zairil@unisel.edu.my

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan  
UNISEL  
Perpustakaan UNISEL,  
Kampus Shah Alam,  
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan.

Tel: 03-55223411/Ext: 2903

Emel: zairil@unisel.edu.my


## ISI KANDUNGAN

Sumbangan Bahan Ilmiah daripada Presiden & Naib Canselor Unisel	1
Pameran Sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2024	3
BICARA PUSTAKAWAN : Perkongsian Berita Palsu Boleh Bawa Impak negatif	4
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	6
Album Pelawat dan Lawatan	12
Ulasan Buku	13
E-Resources	14

# SUMBANGAN BAHAN ILMIAH DARIPADA PRESIDEN & NAIB CANSELOR UNISEL



Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman



Perpustakaan UNISEL berbesar hati dan amat bertuah menerima sumbangan bahan-bahan ilmiah daripada Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor UNISEL. Bahan-bahan ini adalah koleksi peribadi yang sekian lama disimpan dan bahan-bahan ini mempunyai nilai ilmu yang boleh dijadikan rujukan pada masa hadapan dan juga mempunyai nilai sentimental yang tersendiri.

Antara bahan yang disumbang oleh Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman adalah kitab-kitab yang diperoleh semasa beliau berada di Mesir dan koleksi tesis dari bekas pelajar semasa beliau berkhidmat di Universiti Malaya. Selain dari itu, bahan-bahan lain adalah cakera padat (CD) yang mengandungi rakaman audio ceramah-ceramah yang berkaitan politik di Malaysia dan koleksi kaset yang mengandungi ceramah daripada Almarhum Prof. Dato Dr. Siddiq Fadzil.

Kesemua bahan yang diterima ini akan diproses sepenuhnya oleh Unit



Pengkatalogan Bahan, Perpustakaan UNISEL dan ditempatkan di Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil sebagai rujukan kepada penyelidik dan pengguna perpustakaan. Semoga bahan-bahan ini dapat membantu para penyelidik dan boleh memberi manfaat kepada semua.



# PAMERAN SEMPENA HARI KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2024



**S**eperti tahun sebelum ini, Perpustakaan UNISEL sekali lagi membuat pameran sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2024. Pameran ini diadakan di aras bawah Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Pameran ini bermula pada 16 Ogos 2024 sehingga 23 September 2024 dan pameran ini dibuka dari jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Projek pameran diuruskan oleh Unit Galeri dan Aktiviti perpustakaan yang diketuai oleh Pustakawan Kanan, Puan Raudah Rajab. Segala bahan pameran telah dikumpul lebih awal untuk memastikan pameran ini memberi impak positif dan informasi berguna kepada pengunjung perpustakaan. Tema pameran pada tahun ini adalah Logo kemerdekaan dari tahun 1976 hingga 2024. Setiap logo yang dipamerkan disertakan dengan penerangan dan teks sejarah yang dapat memberi pengetahuan kepada pengunjung. Ini bukan sahaja membolehkan pembaca memahami mengenai kemerdekaan malah dapat menghayati serta melihat imbasan detik-detik bersejarah tersebut.

Selain itu, untuk menambahkan seri pameran ini dan menaikkan lagi semangat kemerdekaan, bendera Malaysia di letakkan di setiap sudut bangunan bagi menghiasi bangunan perpustakaan disepanjang bulan kemerdekaan.



# PERKONGSIAN BERITA PALSU BOLEH BAWA IMPAK NEGATIF

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1108281/perkongsi-berita-palsu-boleh-bawa-impak-negatif>

Photo by AbsolutVision on Unsplash

**T**idak pasti, jangan kongsi', menjadi ungkapan sering digunakan sebagai peringatan kepada mana-mana individu untuk tidak menyebarkan sebarang berita palsu atau maklumat yang diragui kesahihan nya. Namun, penyebaran berita palsu mahupun berbau fitnah dan hasutan melalui media sosial serta internet seiring perkembangan era digitalisasi, bukan sahaja berlaku di Malaysia, tetapi serata dunia. Penerimaan orang ramai terhadap media sosial membuatkan mereka sentiasa menjadikan setiap maklumat diperolehi sebagai sesuatu yang serius.

Cabaran orang ramai ketika ini adalah untuk menapis semua berita palsu dan tidak

sahih diterima. Selain itu, amalan 'kewartawanan awam' tidak berbayar dalam kalangan warga maya seiring perkembangan

teknologi dan kepelbagaian platform media sosial juga menyumbang kepada pertambahan dan penularan berita palsu. Sekiranya seseorang warga maya memainkan peranan sebagai 'wartawan' tanpa memahami etika dan amalan pemberitaan yang betul, ia boleh memberi kesan kepada tahap integriti bahan yang disebarkan.

Penulisan status, komen, ciapan, siaran gambar, poster, 'meme' atau video yang dibuat tanpa memahami faktor sosio budaya dan sensitiviti kaum boleh mengakibatkan timbulnya rasa tidak senang, terhina atau tersinggung. Keadaan menjadi

lebih teruk jika ia kemudian menjadi punca perbalahan, pergaduhan atau rusuhan dalam kalangan masyarakat yang hidup aman damai lagi harmoni.

Sehubungan itu, adalah penting untuk setiap pengguna melakukan penyelidikan terhadap sebarang maklumat yang diterima mereka menerusi media sosial. Buat kajian terlebih dahulu jika perkongsian membabitkan rantaian maklumat dan pastikan kesahihannya supaya jangan disebarkan maklumat tidak benar. Ini kerana bahan-bahan berbentuk spekulasi, tuduhan dan penghinaan juga boleh memberi impak dan kesan besar kepada negara.

Di sini peranan media yang melaporkan pemberitaan yang berwibawa amat diperlukan dalam mendidik orang ramai supaya lebih berwaspada ketika

menyebarkan maklumat dalam era digitalisasi. Media juga boleh membantu kerajaan untuk mengubah cara masyarakat menerima berita sahih iaitu dengan menyemak fakta terlebih dahulu sebelum ia disebarkan.

Justeru, konsep 3R iaitu Research (Penyelidikan), Responsibility (Bertanggungjawab) dan Report (Lapor) wajar menjadi teras dan perlu sentiasa dibudayakan sebelum berkongsi sebarang maklumat di media sosial. Ini supaya orang ramai mempunyai kesedaran tinggi bahawa perkongsian berita atau maklumat palsu bukan sahaja boleh menjejaskan reputasi individu atau pihak tertentu malah boleh memberi kesan kepada ekonomi, keselamatan dan keamanan negara.

Perlu diingat, sebarang perkongsian kandungan bersifat palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang di sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali.



Photo by Roman Kraft on Unsplash

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



05 OGOS 2024 | Serahan pasu bunga terpakai sebanyak 82 unit kepada Pusat Sukan, Budaya & Penghijauan



**06 OGOS 2024** | Perpustakaan Unisel hari ini telah menerima pelajar seramai tiga orang untuk menjalani latihan industri. Dua orang pelajar iaitu Saudari Izzah Sofia binti Yusri dan Nur Afina binti Zamri ditempatkan di Perpustakaan Unisel Kampus Shah Alam. Manakala seorang lagi pelajar Saudari Nurul Aziera Syazlyeana binti Abd Radhi di Pejabat Penerbitan Unisel. Pelajar-pelajar ini amat bertuah sekali telah mendapat nasihat dan amanat daripada Prof Dr Md Sidin Ahmad Ishak, Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri). Antara perkara yang dititipkan oleh Prof ialah menjalankan tugas dengan baik, mematuhi peraturan universiti yang telah ditetapkan serta bersedia untuk belajar dan menambah pengetahuan dalam perkara-perkara baharu.



# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



**07 OGOS 2024** | Perpustakaan UNISEL telah dipilih sebagai tempat sesi penyerahan sijil penyertaan kepada pelajar antarabangsa dari China Guangxi Big World Education sempena Program Campus Educational Exploration. Sijil tersebut telah disampaikan oleh Pn Nur Adna Binti Roduan, Pustakawan Kanan.



**07 OGOS 2024** | Sesi perbincangan bagi projek pembangunan Repositori Institusi Universiti Selangor (UNISEL-IR) telah diadakan di antara pihak Pusat Digital dan Perpustakaan. Sesi ini diadakan di Bilik Mesyuarat Perpustakaan di Kampus Shah Alam yang melibatkan En. Hasrul Azwar Ismail serta En. Mhd Faizul Md Asar yang mewakili Pusat Digital manakala Perpustakaan pula diwakili oleh Pn. Norliza Abd Hamid dan En. Azman Ibrahim.

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



**08 OGOS 2024** | Sesi perbincangan bersama Pejabat Tadbir Urus Korporat & Jaminan Kualiti (CGQA) dan Perpustakaan telah diadakan bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan dengan kajian kepuasan serta aduan pelajar.



**09 OGOS 2024** | Prakonvensyen Mahasiswa Selangor di Timur Tengah diadakan secara atas talian melibatkan 86 pelajar di beberapa negara pelajar Selangor di Timur Tengah dan juga dari Malaysia. Program dimulakan dengan ucapan pengenalan oleh Prof Dr Md Sidin Ahmad Ishak dan diteruskan dengan ucapan aluan oleh Encik Mohd Hidayat Mohd Sauffi, Ketua Setiausaha Sulit Kepada Menteri Besar Selangor. Sesi seterusnya ialah bengkel penulisan dimulakan oleh Prof Dr Md Sidin Ahmad Ishak, Prof Dr Norhayah Zulkifli dan Prof Dr Noor Akmar Mohd Salleh. Hafiz Abdul Rahim selaku penyelaras kursus turut serta dalam sesi ini yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pengurusan Unisel Kampus Shah Alam. Kursus ini bermula jam 9.30 malam dan berakhir jam 11.30 malam.



# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



16 OGOS 2024 |  
Perbincangan Lanjutan  
Kerjasama Program-  
Program Sempena  
Sambutan Bulan  
Kemerdekaan dan Hari  
Malaysia Perpustakaan  
dengan kerjasama HEP  
UNISEL.



22 OGOS 2024 22 Ogos 2024 | Mesyuarat Kajian Bibliografi Beranotasi Berkaitan Manhaj Malizy Siddiq Fadzil kali kedua telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, UNISEL Kampus Bestari Jaya bagi membincang dan melapor perkembangan terkini kajian. Mesyuarat kali kedua ini dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Hamdan Dato' Mohd. Salleh, Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti) dan disertai oleh seramai 11 orang penyelidik. Penyelidik-penyelidik di kalangan staf Perpustakaan yang turut serta dalam mesyuarat ini adalah Ketua Perpustakaan, En. Hafiz Abdul Rahim serta En. Azman Ibrahim dan Pn. Fara Nur Izwana Ismail, Pustakawan Kanan. En. Hafiz Abdul Rahim telah membentangkan jumlah semasa bahan rujukan yang telah dimuat naik ke dalam pangkalan data eDocument untuk makluman semua ahli mesyuarat.

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



27 OGOS 2024 | Perpustakaan telah menerima buku-buku sumbangan pelbagai subjek daripada YBhg Datuk Mohamed Nor Abu Bakar, mantan Pengerusi Serba Dinamik Holdings Berhad. Sumbangan buku telah disampaikan oleh isteri beliau Datin Dr. Natrah Ismail yang juga merupakan mantan Pensyarah UNISEL melalui Prof. Madya Dr. Kamisah binti Supian, Fakulti Perniagaan & Perakaunan. Terima kasih atas sumbangan buku-buku tersebut dan berharap agar dapat dimanfaatkan untuk kegunaan warga UNISEL.



28 OGOS 2024 | Perpustakaan UNISEL telah menerima buku sumbangan dari En Mohd Hafezi bin Abdul Hamid, guru SJKC Kuen Cheng 1. Buku sumbangan telah diserahkan kepada Perpustakaan UNISEL melalui Ts. Izwan Shuhadak bin Ishak, Pensyarah Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran.



# AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



28 OGOS 2024 | "Hari Literasi Maklumat Emerald," Exploring & Publishing with Emerald" telah dihadiri oleh seramai 62 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pustakawan Universiti Selangor. Program yang dianjurkan oleh Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Emerald Publishing ini telah dikendalikan oleh Puan Bernice Wong, wakil Emerald Publishing. Webinar ini telah dijalankan selama 1 jam melalui platform *Team*.


# ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



**05 OGOS 2024** | Kunjungan kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) ke Perpustakaan Unisel Kampus Shah Alam bagi melihat dan membaca buku-buku IBBY Outstanding Book for Young People with Disabilities 2023. 40 tajuk buku daripada pelbagai negara yang menampilkan pelbagai format khas untuk orang kelainan upaya seperti *Braille*, Simbol Komunikasi Gambar, Bahasa Isyarat, *Easy-to-Read language*, *tactile or textured illustrations*, *dyslexia-friendly font* dan lain-lain lagi. Kunjungan daripada PPAS ini diketuai oleh Puan Suzliana Abdul Hamid, Timbalan Pengarah bersama-sama dengan lima orang lagi kakitangan PPAS.



# ULASAN BUKU



**Judul:** Super Women, Super Mom, Super Wife: Panduan Terbaik Untuk Wanita Muslimah

**Penulis:** Heni A Rifai

**ISBN:** 9789675029370

**No. Panggilan:** BP173.4 .R53 2010

**Lokasi:** Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya & Kampus Shah Alam

**Tahun Terbitan:** 2010

**Edisi:** -

**Buku “Super Women, Super Mom, Super Wife:**

Panduan Terbaik Untuk Wanita Muslimah” mengupas secara terperinci peranan yang dimainkan oleh seorang wanita dalam kehidupan hariannya, samaada sebagai ibu, isteri, pekerja ataupun sebagai wanita itu sepenuhnya. Buku ini juga memberi panduan bagaimana menjadi wanita terbaik dalam semua perhubungan bermula dari keluarga, jiran tetanga, pendidikan sehingga kepada komitmen diri sendiri. Buku setebal 160 halaman ini sesuai untuk semua wanita yang hebat dan mahu menjadi hebat.

(Ulasan dari buku “Super Women, Super Mom, Super Wife: Panduan Terbaik Untuk Wanita Muslimah”)

**Title:** The Travels of Marco Polo

**Translated and introduced :** Ronald Latham

**ISBN:** -

**Call No.:** G370 .P65 1968

**Location :** 1st Floor Unisel Library, Bestari Jaya Campus

**Year of Publication:** 1968


**Edition:** -

**The Travels of Marco Polo," translated and introduce by Ronald Latham in 1958,**

is a remarkable recounting of the legendary journey taken by Marco Polo, a Venetian merchant, who traveled extensively through Asia and beyond in the late 13th century.

This book a significant contribution to travel literature, reviving the excitement of Polo's adventures while rendering them approachable for contemporary audiences. It is a valuable resource for those interested in history, exploration, and cultural exchange, as well as anyone seeking an engaging travel narrative from a bygone era.

(From Book “The travels of Marco Polo: Translated and Introduced by Ronald Latham)



# E-RESOURCES



**emerald insight**  
**Business, Management & Strategy eJournals 2024**

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:


- Management for performance
- Innovation and entrepreneurial strategies
- Cultural studies/globalisation
- Organizational behaviour
- Business ethics and law
- Strategic orientation
- Conflict management
- Business leadership
- Emerging markets
- Family business

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

<b>Bestari Jaya</b> Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 <a href="mailto:nur_adna@unisel.edu.my">nur_adna@unisel.edu.my</a>	<b>Shah Alam</b> Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 <a href="mailto:zairil@unisel.edu.my">zairil@unisel.edu.my</a>
--	---

unisel library | emerald PUBLISHING



**emerald insight**  
**Operations, Logistics & Quality eJournals 2024**

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Green supply chain
- Service management
- Industry 4.0
- Big data applications
- Supply chain management
- Lean six sigma
- Offshoring
- Production management
- Quality control
- Processes

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

<b>Bestari Jaya</b> Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 <a href="mailto:nur_adna@unisel.edu.my">nur_adna@unisel.edu.my</a>	<b>Shah Alam</b> Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 <a href="mailto:zairil@unisel.edu.my">zairil@unisel.edu.my</a>
--	---

unisel library | emerald PUBLISHING



**emerald insight**  
**HR, Learning & Organization Studies eJournals 2024**

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- The future of trade unions
- Performance management
- Work/life balance
- Work engagement
- Remote working
- Cross cultural employment
- Workplace diversity
- Workplace bullying
- Learning & development
- The impact of Brexit on the labour force

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

<b>Bestari Jaya</b> Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 <a href="mailto:nur_adna@unisel.edu.my">nur_adna@unisel.edu.my</a>	<b>Shah Alam</b> Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 <a href="mailto:zairil@unisel.edu.my">zairil@unisel.edu.my</a>
--	---

unisel library | emerald PUBLISHING



**ICE Publishing Journals 2024**

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover 5 ICE Publishing Journals below :

 Construction Materials <a href="#">Click here</a>	 Civil Engineering <a href="#">Click here</a>	 Waste and Resource Management <a href="#">Click here</a>	 Engineering Sustainability <a href="#">Click here</a>	 Environmental Engineering & Science <a href="#">Click here</a>
---	--	--	---	--

ACCESS HERE : <https://login.ezproxy.unisel.edu.my/menu>

CONTACT US AT:

<b>Bestari Jaya</b> Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 <a href="mailto:nur_adna@unisel.edu.my">nur_adna@unisel.edu.my</a>	<b>Shah Alam</b> Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 <a href="mailto:zairil@unisel.edu.my">zairil@unisel.edu.my</a>
--	---

unisel library | emerald PUBLISHING

## Emerald Publishing Limited

## Academic OneFile



**emerald insight**  
**Education eJournals 2024**

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Educational administration and leadership
- Vocational education and training
- Curriculum development and assessment
- Sustainability in higher education
- Global and comparative education
- Technology in education
- Health education
- Work-based learning
- Higher education
- Distance learning

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

<b>Bestari Jaya</b> Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 <a href="mailto:nur_adna@unisel.edu.my">nur_adna@unisel.edu.my</a>	<b>Shah Alam</b> Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 <a href="mailto:zairil@unisel.edu.my">zairil@unisel.edu.my</a>
--	---

unisel library | emerald PUBLISHING



**GALE ACADEMIC ONEFILE**  
STREAMLINE RESEARCH AND DISCOVER SCHOLARLY SOURCES

**SCHOLARLY SOURCES**  
Search thousands of scholarly and peer-reviewed journals— the backbone of academic research.

**BROWSE BY DISCIPLINE**  
Click for easy access to articles aligned to major fields of study. Select a discipline to browse relevant topics and articles.

**CURRENT RESULTS**  
Access recent information to keep through academic research on almost any subject. Periodicals are updated several times a day.

FB PAGE - UNISEL LIBRARY  
<https://www.facebook.com/UNISEL-LIBRARY-106162892748554/>

INSTAGRAM - UNISEL LIBRARY  
<https://www.instagram.com/unisel.library/pti-en>

unisel library

Contact us  
Need any help, please come to the library, send us an email or call us.

**Bestari Jaya Campus**  
Nur Adna Binti Roduan nur\_adna@unisel.edu.my 03-32805122

**Shah Alam Campus**  
Zairil Azwan B. Osman zairil@unisel.edu.my 03-55223411 Ext. 2903

UNISEL PROXY (Access off-campus)  
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>



# SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN

## KE-67

31 OGOS 2024



# NEED HELP?

unisel library

## CONNECT WITH US

<http://library.unisel.edu.my>

[sirkulasi@unisel.edu.my](mailto:sirkulasi@unisel.edu.my)

chat with a Librarian

If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates

03-55223411 / EXT: 2902  
CUSTOMER SERVICE  
SHAH ALAM CAMPUS



03-55223411 / EXT: 2903  
REFERENCE SERVICE  
SHAH ALAM CAMPUS

03-32805120/5122  
BESTARI JAYA CAMPUS